



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



SURAT PEKELILING JPS Bil. 13 / 2015
(Pindaan Ke Atas Lampiran 1 Dan 1a SP JPS Bil. 2 / 2008)

PERATURAN MENGENAI ARAHAN PERUBAHAN KERJA
DAN PELARASAN HARGA BAGI KONTRAK KERJA

1.0 TUJUAN

Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan pindaan ke atas keanggotaan Jawatankuasa Arahkan Perubahan Kerja di semua peringkat mengikut had kuasa yang dibenarkan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Lampiran 1 dan 1a Surat Pekeliling JPS Bil. 2 / 2008 bertarikh 20 Februari 2008 telah menetapkan keanggotaan Ahli Jawatankuasa Perubahan Kerja di peringkat :

- i) Pegawai Penguasa / Pengarah Projek ;
- ii) Timbalan Ketua Pengarah JPS ; dan
- iii) Ketua Pengarah JPS.

2.2 Lampiran tersebut perlu dibuat penambahbaikan bagi meminda keanggotaan ahli jawatankuasa demi memastikan kelancaran proses kelulusan perubahan kerja mengambilkira faktor berikut :

- i) Penyelesaian kepada Ahli Jawatankuasa Peringkat Pegawai Penguasa / Pengarah Projek di JPS Negeri yang tiada jawatan Juruukur Bahan.
- ii) Mengemaskini wakil keanggotaan di kalangan Juruukur Bahan di Ibu Pejabat JPS Malaysia.

3.0 PINDAAN YANG DIKUATKUASAKAN

Pindaan dibuat ke atas Lampiran 1 dan 1a melibatkan Juruukur Bahan yang menganggotai Jawatankuasa Perubahan Kerja di semua peringkat mengikut had kuasa yang dibenarkan.

4.0 KUATKUASA DAN PEMBATALAN

4.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta. Dengan penguatkuasaan Surat Pekeliling ini, **Lampiran I dan Ia** kepada Surat Pekeliling JPS Bil. 2 / 2008 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti"

Saya Yang Menurut Perintah,



(DATO' SRI Ir. ZAINOR RAHIM BIN IBRAHIM)

Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan Dan Saliran, Malaysia.

Tarikh: 27 November 2015

LAMPIRAN 1
(Pindaan Ke Atas Lampiran 1 SP JPS Bil. 2 / 2008)

KEAHLIAN DAN HAD KUASA JAWATANKUASA ARAHAN PERUBAHAN KERJA

Bil	Nama Jawatankuasa/ Bidangkuasa	Keanggotaan	Urusetia
1.	Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja di Peringkat Pegawai Penguasa / Pengarah Projek - Jika HAK * tidak melebihi RM10 Juta, perubahan kerja terkumpul tidak lebih 10%. - Jika HAK melebihi RM10 Juta, perubahan kerja terkumpul tidak lebih RM1 Juta	Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh P.P yang dinamakan dalam Kontrak (Sila rujuk LAMPIRAN 1a bagi keanggotaan) Sekiranya P.P adalah TKP atau KP, permohonan hendaklah dibawa terus ke Jawatankuasa Perubahan Kerja Peringkat TKP / KP	<u>Pembentang</u> Wakil P.P / Jurutera yang menyelia projek <u>Urusetia</u> Sila rujuk LAMPIRAN 1a
2.	Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja di Peringkat Timbalan Ketua Pengarah. - Jika HAK * tidak melebihi RM10 Juta, perubahan kerja terkumpul tidak lebih 20%. - Jika HAK melebihi RM10 Juta, perubahan kerja terkumpul tidak lebih RM2 Juta	1. Timbalan Ketua Pengarah (Pengerusi) 2. Pengarah BUBPK / Timbalan Pengarah (Ukur Bahan) / Ketua Penolong Pengarah Kanan (Ukur Bahan) (Ahli) 3. Pengarah Bahagian jika tidak menjadi Pegawai Penguasa / Pengarah Projek (Ahli)	<u>Pembentang</u> Wakil P.P / Jurutera yang menyelia projek <u>Urusetia</u> Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak IPJPS
3.	Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja di Peringkat Ketua Pengarah. - Jika HAK * tidak melebihi RM20 Juta, perubahan kerja terkumpul tidak lebih 30%. - Jika HAK melebihi RM20 Juta, perubahan kerja terkumpul tidak lebih RM6 Juta	1. Ketua Pengarah (Pengerusi) 2. Pengarah BUBPK / Timbalan Pengarah (Ukur Bahan) / Ketua Penolong Pengarah Kanan (Ukur Bahan) (Ahli) 3. Pengarah Bahagian jika tidak menjadi Pegawai Penguasa / Pengarah Projek (Ahli)	<u>Pembentang</u> Wakil P.P / Jurutera yang menyelia projek <u>Urusetia</u> Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak IPJPS
4.	Dalam semua hal lain	Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan	

* HAK – Harga Asal Kontrak

LAMPIRAN 1a
(Pindaan Ke Atas Lampiran 1a SP JPS Bil. 2 / 2008)

Keanggotaan Jawatankuasa Perubahan Kerja di Peringkat Pegawai Penguasa

a) Pegawai Penguasa adalah Jurutera Projek (JP)

- (i) Jurutera Projek (Pengerusi)
- (ii) Jurutera Pejabat Projek / JPS Negeri (Ahli)
- (iii) Juruukur Bahan (Ahli)
- (iv) Pejabat JP (Urusetia)

b) Pegawai Penguasa adalah Pengarah Negeri (PPSN)

- (i) Pengarah Negeri (Pengerusi)
- (ii) Jurutera di JPS Negeri (Ahli)
- (iii) Juruukur Bahan (Ahli)
- (iv) Pejabat Pengarah Negeri (Urusetia)

c) Pegawai Penguasa adalah Pengarah Bahagian

- (i) Pengarah Bahagian (Pengerusi)
- (ii) Timbalan Pengarah / KPPK / KPP di Bahagian (Ahli)
- (iii) Juruukur Bahan Gred J48 dan ke atas (Ahli)
- (iv) Pejabat Pengarah Bahagian (Urusetia)